

# Pelajar kita cemerlang di Australia

## Pengalaman kerja sambil belajar bentuk sikap berani bersaing

13-11 24/11/07 M/S 15

Oleh Razak Rashid Ghows


**P**ELAJAR yang melanjutkan pendidikan di luar negara sudah tentu berpeluang menimba lebih banyak pengalaman dan mengenali budaya di tempat orang. Apa yang dilalui setiap hari adalah sesuatu yang berbeza berbanding tempat sendiri.

Selain itu, mereka juga berdepan pelbagai dugaan dan cabaran secara bersendirian dan tidak ada tempat untuk bermanja dengan ibu bapa dan keluarga. Namun kehidupan inilah yang akan menjadikan mereka individu yang lebih cecak dan mempunyai semangat lebih tinggi untuk berjaya.

Inilah antara inti pati diperoleh wartawan Malaysia yang menemui sebilangan pelajar Malaysia yang kini menuntut pada peringkat sarjana muda dan sarjana di Universiti Teknologi Curtin, Perth dan Universiti Adelaide. Kunjungan lima wartawan itu adalah dalam rangka lawatan yang dianjurkan Institut Australia-Malaysia.

Sebahagian daripada pelajar itu juga terpaksa bekerja untuk menampung yuran pembelajaran yang tinggi dan untuk mempunyai lebih wang saku ketika berada di luar negara.

Pelajar jurusan Sains Aktuarial, Amanda Low, berkata dia bekerja mencari pengalaman dan wang. Bagaimanapun, Amanda mengakui pekerjaan yang dilakukan tidak begitu membebankan, malah amat menyeronokkan kerana selain mendapat wang, mereka juga dapat bergaul dengan masyarakat tempatan daripada pelbagai kaum.



**JAUH DI PERANTAUAN:** Sebahagian daripada pelajar Malaysia di Universiti Teknologi Curtin, Perth yang menemui wartawan Malaysia sempena lawatan media ke Australia baru-baru ini.

Australia adalah sebuah negara majmuk yang mana sebahagian besar daripada mereka berasal dari Greece, Itali, Lubnan, India, Pakistan dan negara Asia Tenggara termasuk Malaysia. Malah Canselor Universiti Curtin, Dr KC Tan, berkata satu pertiga daripada jumlah penduduk Australia Barat tidak dilahirkan di negeri itu.

Pelajar berkenaan melakukan kerja sambil di restoran makanan segera, pasar raya dan sebagai kerani akaun di firma perakaunan bertauliah. Pengalaman bekerja di firma perakaunan pastinya menjamin pelajar berkenaan mendapat pekerjaan selepas lulus kelak. Ada juga antara pelajar itu yang menjadi tutor sementara dan melakukan pelbagai kerja.

Sebilangan pelajar juga memberitahu mereka berhasrat bekerja di Perth untuk beberapa ketika bagi menimba lebih banyak pengalaman sebelum pulang ke tanah air.

Di Curtin, selain pelajar sepenuh masa yang mengambil kursus tiga tahun, ada juga yang ke sana untuk sesi tahun akhir saja sementara kursus peringkat awal selama dua tahun dilakukan di kampus cawangan Curtin di Miri, Sarawak seperti Diana Ambrose yang berasal dari Kuching.

“Bagi saya, tidak ada masalah menyesuaikan diri dengan kampus induk di Perth kerana di sini pun ramai rakan dari Malaysia. Kami bagaikan sebuah keluarga dan begitu rapat,” ujarnya.

Kampus induk Curtin di Perth kini mempunyai kira-kira 1,200 pelajar dari Malaysia dan kira-kira 70 pelajar adalah dari kampus cawangan Miri yang diwajibkan belajar di kampus induk pada tahun akhir bagi mengalami suasana Curtin yang sebenar.

Pelajar berkenaan berkata, pihak pentadbir universiti serta pensyarah amat memahami budaya pelajar asing terutama budaya Malaysia memandangkan ramai yang mengunjungi negara kita untuk pelbagai urusan.

Mereka tidak memaksa kami melakukan sesuatu yang bukan menjadi amalan biasa pelajar dan atas sebab demikian, makanan yang dijual di dalam kampus adalah halal, kata Diana.

Universiti Teknologi Curtin itu adalah sebuah universiti awam terbesar di Australia Barat. Ia bermula sebagai sebuah institusi biasa 20 tahun lalu dan bertukar menjadi universiti pada 1987.

Selepas kunjungan Perdana Menteri, Da-



**HUBUNGAN ERAT: Dzulhilman (kanan) dan sebahagian pelajar Malaysia di Adelaide yang menghadiri majlis hari raya dan Deepavali anjuran Kelab Umno Australia Selatan dan Majlis Pelajar Malaysia (Masca) di Adelaide baru-baru ini.**

tuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, tahun lalu Kerajaan Malaysia memperuntukkan RM6 juta untuk penyelidikan di universiti berkenaan. Perdana Menteri juga menerima anugerah tertinggi universiti berkenaan, Ijazah Kedoktoran Kehormat, tahun lalu.

Antara penyelidikan yang dijalankan di universiti itu adalah mengenai tenaga dan sumber galian yang dilakukan secara kerjasama dengan sebuah pengeluar minyak antarabangsa. Selain itu kajian yang dilakukan turut meliputi aspek kesihatan termasuk obesiti dan gaya hidup sihat.

Dr Tan berkata, universiti itu akan menaja seorang rakyat Malaysia untuk melakukan kajian pada peringkat Ijazah Kedoktoran mengenai Perbankan Islam. Selain itu, Curtin juga menawarkan lima biasiswa kepada pelajar Malaysia yang cemerlang setiap tahun.

Sementara itu di Adelaide, kami sempat

menemui beberapa pelajar Malaysia di asrama penginapan mereka kerana pada ketika itu pelajar di universiti berkenaan sedang menghadapi peperiksaan akhir.

Ada di kalangan mereka mengambil jurusan pergigian, perdagangan, perakaunan, pengurusan, kejuruteraan serta perubatan.

Tidak kira apa jurusan yang diambil, di universiti berkenaan mereka adalah seperti keluarga, kata Priyanka, pelajar jurusan perubatan yang sentiasa mengepit buku perubatan ketika menemui kami kerana sedang mengulang kaji untuk peperiksaan.

Dzulhilman Sulaiman, pelajar kejuruteraan adalah Naib Pengerusi Kelab Umno Adelaide dan aktif dalam beberapa persatuan seperti Persatuan Pelajar Islam Malaysia dan Majlis Pelajar Malaysia.

Daripada 827 pelajar di universiti itu, kira-kira 50 peratus adalah pelajar Melayu

dan 140 ahli Kelab Umno. Pengerusi Kelab Umno dari universiti berkenaan baru-baru ini turut menghadiri Perhimpunan Agung Umno di Kuala Lumpur.

Sebarang isu yang berlaku di luar kampus berhubung politik atau isu yang ada kaitan dengan Islam tidak langsung menjejaskan kehidupan ‘masyarakat pelajar’ di dalam kampus, kata Siti Sri Delima, pelajar perakaunan.

“Suasana di sini aman dan sesuai untuk pembelajaran. Secara umumnya, semua pihak hormat-menghormati antara satu sama lain dan tidak ada masalah,” katanya.

Ditanya sama ada komen Mufti Australia, Sheikh Taj Eldeen Alhili, mempunyai kesan ke atas pelajar, beliau berkata, perkara itu tidak langsung dihiraukan pelajar mahupun pentadbir universiti.

Malah, tambahnya, selepas kejadian pengeboman di Bali yang membabitkan rakyat Australia, mereka menyangka akan berlaku tindak balas, tetapi sebaliknya tiada ada apa-apa yang berlaku. Semuanya normal seperti biasa.

Dzulhilman berkata, apabila persatuan mereka menganjurkan majlis sambutan hari raya dan Deepavali baru-baru ini, semua pelajar tidak kira bangsa, agama atau negara turut hadir termasuk pensyarah dan pentadbir universiti. Malah terlalu ramai yang hadir sehingga makanan pun tidak mencukupi.

Selain itu, katanya, pelajar di sana juga menganjurkan kutipan derma bagi Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK) dan Bersamamu TV3.

Seperti rakan pelajar di Curtin, mereka juga melakukan kerja sambil dan Dzulhilman sendiri pun pernah melakukan kerja pembersihan dengan dibayar A\$15 sejam. Kerja lain yang pernah dilakukan termasuk pembantu dapur, penghantar barang dan sebagai pekebun.

Apapun pengalaman yang dilalui pelajar kita di Australia mahupun di negara lain, di samping menjadi pelajar cemerlang, mereka adalah juga ‘duta’ kecil kita dan mereka sudah tentu diharap akan menjadi cerminan yang baik negara kita pada kaca mata rakyat asing.

**Penulis menyertai lawatan media ke Australia anjuran Institut Australia-Malaysia (AMI), baru-baru ini.**